

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RPW 541 - Teori Dan Falsafah Perancangan

Tarikh: 14 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan: DUA dari Bahagian A dan TIGA dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (Jawab KEDUA-DUA soalan)

1. "Tidak terdapat satu sukatan pelajaran, satu ideologi atau satu sistem perancangan, yang sesuai untuk semua perancang bandar dan untuk semua situasi."

Nilaikan peranan perancang bandar relatif kepada satu sistem nilai (value-systems) yang menolak kekosongan etika (ethical vacuum).

(20 markah)

2. "Teori Sistem Umum memberi asas kepada pemahaman dan penyerapan pengetahuan dari pelbagai bidang yang sangat khusus"

L.V. Bertalanffy "General Systems Theory - a critical review" (1962).

- a) Nyatakan konsep-konsep utama 'pemikiran sistem'.
- b) Bincangkan kenyataan di atas relatif kepada 'proses perancangan'.

(20 markah)

BAHAGIAN B (Jawab TIGA soalan)

3. Pernah dikatakan bahawa teori perancangan mungkin bergantung kepada perhubungan di antara persekitaran masyarakat dan metodologi perancangan. Andaikan bahawa tindakan perancangan tidak boleh dijalankan dari kedudukan "value-neutrality", bincangkan kenyataan ini.

(20 markah)

4. Nyata dan bincangkan dimensi-dimensi utama serta polariti metodologi perancangan.

(20 markah)

5. Mengapakah model "Penelitian Bercampur" disebut sebagai pendekatan ketiga dan apakah kebaikan dan kelemahannya.

(20 markah)

6. Ada penulis berpendapat bahawa tujuan muktamad perancang bandar ialah untuk menjamin sistem kapitalis dijalankan dengan sempurna supaya golongan yang mengawal mod pengeluaran akan terus mengumpul kekayaan. Apakah pendapat golongan ekonomi politik tentang kenyataan ini dan nyatakan pendirian anda?

(20 markah)

7. Sejauh manakah konsep penyertaan awam dan perancangan pembelaan dapat diserapkan dalam proses pelan struktur di Malaysia. Beri contoh untuk jawapan anda.

(20 markah)

8. "Teori perancangan positif berorientasi ke arah ketepatan konsep-konsep dan penilaian."

Jelaskan kenyataan tersebut dan tentukan pemboolehubah-pemboolehubah utama serta korelasi mereka dalam teori perancangan.

(20 markah)